

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA PERBANDARAN RENDAH KARBON
BANDAR BARU BANGI BIL.03/2018**

**TARIKH : 30HB. OGOS 2018 (KHAMIS)
MASA : 10.00 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT CEMPAKA PUTIH
TINGKAT 7A, MENARA MPKj**

SENARAI KEHADIRAN

Hadir:

1. Haji Najmuddin Bin Jemain : Timbalan Yang Dipertua, MPKj
(Pengerusi)
2. Dr. Nor Kalsum Bin Mohd Isa : UPSI Holdings Sdn. Bhd.
3. Cik Fatin Syaheerah : UPSI Holdings Sdn. Bhd.
4. Dr. Mohd Yazid Bin Mohd Yunos : Universiti Putra Malaysia
5. TPr. Haji Abdul Hamid Bin Akub : AHA Plannning Consultant
6. En. Mohamad Zikri Bin Ibrahim : Pegawai Kesihatan Persekitaran,
Jabatan Pengurusan Sisa
Pepejal & Pembersihan Awam,
MPKj
7. Pn. Roslinda Binti Ismail : Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran
(K), Jabatan Pengurusan Sisa
Pepejal & Pembersihan Awam,
MPKj
8. Pn. Zakiah Hani Binti Ahmad Bustamam : Pen. Pengarah Kanan,
Jabatan Kawalan Bangunan, MPKj
9. Cik Khairani Binti Kamaludin : Pen. Pegawai Seni Bina (Kanan)
Jabatan Kawalan Bangunan,
MPKj
10. En. Kamarul Izlan Bin Sulaiman : Pegawai Tadbir,
Jabatan Korporat &
Pembangunan Masyarakat, MPKj

11. Cik Nadhirah Binti Mohd Noor : Pen. Peg. Tadbir,
Jabatan Korporat &
Pembangunan Masyarakat, MPKj
12. En. Md. Zaini Bin Kamis : Pen. Jurutera Elektrikal,
Jabatan Kejuruteraan, MPKj
13. En. Pakhruddin Bin Abdullah : Penolong Pegawai Pertanian,
Jabatan Landskap dan Rekreasi,
MPKj
14. Pn. Siti Nadiha Binti Mohd Ismail : Pen. Pegawai Landskap,
Jabatan Landskap dan Rekreasi,
MPKj
15. En. Khairul Azman Bin Isharudin : Penolong Pegawai Tadbir,
Jabatan Perlesenan dan Penjaja,
MPKj

URUSETIA

1. En. Low Kar Yong : Peg. Perancang Bandar & Desa,
Jabatan Perancangan Pembangunan,
MPKj
2. En. Norsaini Bin Mat Isa : Pen. Peg. Perancang Bandar & Desa
(Kanan), Jabatan Perancangan
Pembangunan, MPKj
3. Pn. Siti Noriyati Binti Pakin : Pen. Peg. Perancang Bandar & Desa,
Jabatan Perancangan Pembangunan,
MPKj
4. Cik. Umi Noor Aqila Binti Zakaria : Pen. Peg. Perancang Bandar & Desa,
Jabatan Perancangan Pembangunan,
MPKj

1.0 UCAPAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam sejahtera dan seterusnya mengalu-alukan kehadiran semua yang hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi Bil.3/2018.
- 1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk mengemaskini status pelaksanaan Program Perbandaran Rendah Karbon sehingga bulan Ogos 2018 oleh jabatan-jabatan yang terlibat. Pengerusi juga memaklumkan bahawa Bengkel Perbincangan Kumpulan Sasaran (FGD) Semakan Draf Pelan Tindakan Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi 2035 bersama 'stakeholder' akan diadakan pada 06hb. September 2018 (Khamis) di Hotel Bangi – Putrajaya.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT LEPAS

- 2.1 Pengerusi memaklumkan bahawa kehadiran TPr. Haji Abdul Hamid Bin Akub wakil perunding pada mesyuarat lepas tidak direkodkan di dalam senarai kehadiran minit mesyuarat.
- 2.2 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Perbandaran Rendah Karbon Bandar Baru Bangi Bil.2/2018 disahkan dengan pindaan memasukkan kehadiran TPr. Haji Abdul Hamid Bin Akub.

3.0 PERBINCANGAN PROGRAM TINDAKAN

PROGRAM KOMPOS

- 3.1 Wakil JPSPPA memaklumkan langkah-langkah yang telah diambil bagi melaksanakan Program Kompos adalah seperti berikut:
 - i. Aktiviti kutipan sisa makanan untuk kompos telah dijalankan oleh anggota-anggota Jabatan bermula pada 15 Mac 2018 yang melibatkan lebih kurang 60 kedai makanan dalam Pusat Bandar, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi.
 - ii. Hasil kutipan kompos bagi tempoh 15 Mac hingga 16 Ogos adalah sebanyak 103.15 tan dengan purata 20.63 tan/bulan. Hasil kutipan ini adalah lebih tinggi berbanding dengan sasaran pihak Perunding 0.85 tan/bulan dan MPKj 9.12 tan/bulan.

Tindakan: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MPKj

PROGRAM KITAR SEMULA MINYAK TERPAKAI

- 3.2 Wakil JPSPPA memaklumkan pelaksanaan Program Kitar Semula Minyak Masak Terpakai di kawasan kajian adalah seperti berikut:
- i. Pihak UNITEN telah mengumpulkan minyak masak terpakai dari kedai-kedai makan yang dikenalpasti pada setiap hari Isnin.
 - ii. Hasil kutipan minyak masak terpakai bagi tempoh 15 Mac hingga 16 Ogos 2018 adalah sebanyak 5.49 tan dengan purata 1.098 tan/bulan. Hasil kutipan ini tidak mencapai sasaran pihak Perunding iaitu 10.63 tan/bulan dan sasaran MPKj sebanyak 7.53 tan/bulan.

Tindakan: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MPKj

PROGRAM PENGASINGAN SAMPAH

- 3.3 Wakil JPSPPA membentangkan tindakan-tindakan yang telah diambil bagi Program Pengasingan Sampah seperti berikut:
- i. Kakitangan Perniagaan Logam KSS Sdn Bhd telah mengutip sisa kitar semula dari premis-premis yang dikenalpasti pada setiap hari Khamis.
 - ii. Hasil kutipan bagi barangan kitar semula bagi tempoh 15 Mac hingga 16 Ogos 2018 adalah sebanyak 8.73 tan dengan purata 1.746 tan/bulan. Kutipan yang direkodkan ini adalah lebih rendah berbanding sasaran yang ditetapkan oleh pihak Perunding sebanyak 17 tan/bulan dan sasaran MPKj sebanyak 10.20 tan/bulan.

Tindakan: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MPKj

PROGRAM PENANAMAN POKOK

- 3.4 Wakil Jabatan Landskap dan Rekreasi membentangkan Program Penanaman Pokok seperti berikut:
- i. Berdasarkan cadangan kos perbelanjaan bagi keseluruhan program tersebut adalah sebanyak RM 278,300.00 dan pihak Jabatan Landskap dan Rekreasi bercadang memohon peruntukan sebanyak RM100,000.00 melalui Tabung Amanah Landskap.
 - ii. Peruntukkan RM30,000.00 dari UPEN Selangor bagi tujuan Program Kebun Komuniti dicadangkan digunakan untuk pembelian pokok dalam program perbandaran rendah karbon ini mengambilkira program Kebun Komuniti telah dilaksanakan menggunakan peruntukkan dibawah LA21 tahun 2018.

Tindakan: Jabatan Landskap dan Rekreasi, MPKj

- 3.5 Wakil UPSI Holdings Sdn. Bhd. mengucapkan tahniah di atas usaha dan tindakan yang telah dilakukan oleh Majlis Perbandaran Kajang. Hasil kutipan sisa adalah diukur secara jumlah keseluruhan kutipan ketiga-tiga program yang dilaksanakan iaitu Program Kompos, Kitar Semula Minyak Masak Terpakai dan Kitar Semula. Berdasarkan trend kutipan sediada oleh pihak Majlis ketika ini dijangka boleh mencapai pengiktirafan sijil berlian dari pihak Greentech. Wakil UPSI Holdings Sdn. Bhd. mencadangkan program penanaman pokok hendak dilaksanakan sebahagian kuantiti pada tahun 2018 manakala selebihnya boleh ditanam pada tahun 2019.

Tindakan: Makluman

- 3.6 Pengerusi mencadangkan bahawa stok hasil kompos yang dapat dihasilkan ketika ini boleh dijadikan sebagai baja untuk tapak nursery MPKj dan kebun-kebun komuniti dalam kawasan Majlis Perbandaran Kajang.

Tindakan: Jabatan Landskap dan Rekreasi, MPKJ

4.0 HAL-HAL LAIN

- 4.1 Pengerusi meminta wakil Jabatan Kejuruteraan supaya menyegerakan proses kerja pemasangan dua (2) buah penghawa dingin di bangunan kontena dalam tapak kompos agar dapat menjaga keselesaan pekerja untuk menjamin kelancaran kerja-kerja memproses baja kompos tersebut.

Tindakan: Jabatan Kejuruteraan, MPKJ

- 4.2 Wakil Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat, MPKj memaklumkan bahawa cadangan program pelancaran perbandaran rendah karbon di kawasan Pusat Bandar, Bandar Baru Bangi akan dilaksanakan pada 4hb. Oktober 2018. Mesyuarat penyelarasan telah diadakan pada 27hb. Ogos 2018 dan lokasi program adalah di Laman BangiKu. Faktor pemilihan tapak tersebut adalah kerana terdapatnya kemudahan tempat letak kenderaan, berhampiran dengan kawasan gimik penanaman pokok dan dikelilingi premis-premis perniagaan. Wakil Jabatan Landskap dan Rekreasi memaklumkan bahawa surat pemakluman program kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) akan dihantar dalam tempoh terdekat ini mengambil kira Laman BangiKu masih berada dibawah penyelenggaraan mereka.

Tindakan: Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat dan Jabatan Landskap dan Rekreasi, MPKj


- 4.3 Wakil Jabatan Perancangan Pembangunan memaklumkan bahawa pembelian 5 set tong kitar semula dengan kos RM22,500.00 akan menggunakan peruntukan bajet jabatan khusus bagi tujuan meningkatkan lagi hasil kutipan barangan kitar semula dalam kawasan kajian.

Tindakan: Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MPKj

5.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

- 5.1 Seterusnya Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.15 pagi.

Disediakan oleh:




(UMI NOOR AQILA BINTI ZAKARIA)
Pen. Pegawai Perancangan Bandar dan Desa,
Jabatan Perancangan Pembangunan,
Majlis Perbandaran Kajang

Disemak oleh:



(LOW KAR YONG)
Pegawai Perancang Bandar dan Desa (K),
Jabatan Perancangan Pembangunan,
Majlis Perbandaran Kajang.

Disahkan oleh:



(HAJI NAJMUDDIN BIN JEMAIN)
Timbalan Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kajang